

11 OCT 1997

Ringgit-kesan

KESAN KEJATUHAN RINGGIT DIRASAI DALAM TIGA BULAN, KATA LIM

BERUAS, 11 Okt (Bernama) -- Rakyat akan mula merasai kesan daripada kejatuhan nilai ringgit dalam masa tiga bulan ini kerana barang yang mereka akan beli nanti merupakan stok baru yang diperolehi dengan nilai ringgit lebih rendah, kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Beliau berkata harga barang ada belum naik kerana ia merupakan stok lama menyebabkan rakyat belum merasai kesan daripada kejatuhan nilai mata wang negara.

Namun, Lim yakin nilai ringgit akan kembali stabil dan ekonomi negara bertambah kukuh sekiranya rakyat berdisiplin ketika berbelanja dan tidak boros terutama dengan membeli barangan import.

"Rakyat perlu menyahut saranan kerajaan agar berjimat ketika berbelanja bagi memulihkan semula nilai mata wang dan ekonomi negara," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Ramah Mesra Bersama Penduduk Kampung Paya Lima di sini semalam.

Mengenai harga getah yang tidak stabil, beliau berkata keadaan itu berlaku disebabkan negara pengeluar getah yang lain enggan bekerjasama dengan Malaysia berusaha menstabilkan pengeluarannya.

Katanya negara berkenaan sebaliknya sentiasa menambahkan pengeluaran mengeksportnya tanpa mengira harga pasaran dan keadaan ini menyebabkan harga komoditi itu sentiasa tidak stabil.

Di KOTA BAHARU, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata lebih 1,000 pegawai kanan agensi kementerian itu akan diberi taklimat khas mengenai kejatuhan nilai ringgit agar mereka faham mengenai isu itu dan menyebarkan maklumat itu kepada rakyat..

Mereka yang terbabit itu terdiri daripada pegawai RISDA, FELCRA, projek-projek Pembangunan Wilayah dan pegawai perhubungan awam dari seluruh negara.

"Saya sendiri akan menyampaikan taklimat itu dan mereka akan diberi penjelasan mengenai latar belakang kejatuhan nilai ringgit serta kesannya terhadap negara dan rakyat luar bandar agar mereka mengambil langkah-langkah wajar mengelak pembaziran," katanya kepada pemberita malam tadi.

Annuar berkata masyarakat kampung bukan sahaja perlu memahami sebab kejatuhan ringgit sebaliknya bertindak menangani kesan lanjutan.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, turut menyambut baik pendirian Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang memberi sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi negara. -- BERNAMA

WM MAI